



SIARAN MEDIA

JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)

PEMBERIAN VAKSIN FASA PERTAMA DIUTAMAKAN KEPADА BARISAN HADAPAN

PUTRAJAYA, 1 Mac 2021 – YB Dato' Sri Dr Adham Baba, Menteri Kesihatan Malaysia dan YB Khairy Jamaluddin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi hari ini telah mempengerusikan secara bersama Mesyuarat Khas Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) bagi membincangkan status kemajuan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Mesyuarat JKJAV sebulat memutuskan bahawa pemberian vaksin fasa pertama ini diutamakan kepada petugas barisan hadapan. Mesyuarat juga telah mendefinisikan dengan lebih jelas takrifan *frontliners* petugas barisan hadapan. Kerajaan tidak akan memberi keutamaan kepada mana-mana individu atau mana-mana pihak yang bukannya dalam kategori barisan hadapan untuk menerima vaksin terlebih dahulu.

Mesyuarat pada hari ini juga turut bersetuju untuk jawatankuasa kecil di bawah JKJAV mengenal pasti dan memproses permohonan daripada pelbagai pihak yang terdiri daripada agensi kerajaan, syarikat swasta, pertubuhan dan NGO untuk menerima vaksinasi. Setakat ini JKJAV telah menerima banyak permohonan dari pelbagai pihak untuk diberi keutamaan suntikan vaksin COVID-19.

Sejak Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bermula pada 24 Februari 2021, setakat jam 12.00 tengah hari tadi, seramai lebih daripada 1.5 juta telah mendaftar melalui aplikasi MySejahtera.

Sehingga hari ini, tiga (3) bekalan vaksin telah pun sampai iaitu Comirnaty (dari Pfizer-BioNTech) pada 21 dan 24 Februari 2021. Vaksin Pfizer-BioNTech mula digunakan semasa pelancaran Program Imunisasi COVID-19 dengan YAB Perdana Menteri menjadi orang pertama menerima suntikan diikuti dengan barisan hadapan yang terdiri daripada petugaskesihatan, anggota keselamatan termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Petugas Penjara dan Anggota Bomba dan Penyelamat yang turut menerima suntikan.

Sementara itu, vaksin CoronaVac (dari SinoVac) telah sampai di Malaysia pada 27 Februari 2021. Pembelian vaksin Sinovac akan melibatkan pemindahan teknologi daripada Sinovac kepada Pharmaniaga. Vaksin CoronaVac yang diperolehi dalam bentuk pukal ini masih tertakluk kepada kelulusan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (National Pharmaceutical Regulatory Agency - NPRA). Vaksin ini masih dalam peringkat pembotolan secara *fill and finish* oleh syarikat tempatan bagi kegunaan rakyat Malaysia.

Mesyuarat JKJAV juga bersetuju bahawa tiada diskriminasi pemilihan jenis vaksin kepada rakyat dengan pelaksanaan Garis Panduan Penetapan Senarai Barisan Petugas Hadapan untuk Fasa 1. *Risk assessment framework* untuk Fasa 2 dan 3 turut dibincangkan agar isu penggiliran penerimaan vaksin dijalankan secara telus dan adil kepada rakyat.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

**JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES BEKALAN
VAKSIN COVID-19 (JKJAV)**